

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 4 JUN 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pameran teknologi Malaysia di London	Berita Harian
2	Malaysia promosi produk inovasi di London	Utusan Malaysia
3	Market Malaysia's creative technology, says deputy minister	The Star
4	Malaysia pamer produk Inovasi untuk dikomersialkan di minggu teknologi London	Bernamea.com
5	'Invest in the driver of change'	New Straits Times
6	Pelaburan STI prasyarat Negara maju	Harian Metro
7	Malaysia mengorak langkah sebagai Pusat Bioteknologi Perindustrian	Berita Harian
8	Malaysia, an emerging centre for industrial Biotechnology	The Star
9	TBESB sasar jualan RM10 juta	Berita Harian
10	Tsunami warning system	The Sun
11	Kabus dingin Melaka	Harian Metro
12	Sampel DNA suspek dihantar ke Jabatan Kimia	Kosmo
13	SIRIM helps local business in GLP Testing	New Straits Times
14	Bank Rakyat YIM Ideation (Iklan)	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 4 JUN 2015 (KHAMIS)



Dr Abu Bakar (tiga dari kanan) bersama wakil peserta yang akan menyertai Malaysia Creative Tech Showcase di Putrajaya, semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Pameran teknologi Malaysia di London

Putrajaya: Pencapaian dan keupayaan Malaysia menghasilkan produk dan perkhidmatan berteknologi serta berinovasi akan dipamerkan kepada masyarakat antarabangsa pada Pameran Teknologi Kreatif Malaysia 2015 di London, bermula 15 Jun ini.

Pameran dua hari anjuran Capital TV sempena Minggu Teknologi London itu akan menghimpunkan lebih 14 syarikat Malaysia yang akan mempromosi produk dan kandungan kreatif mereka kepada lebih 60,000 pengunjung yang dijangka hadir.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah, berkata selain pameran yang julung kali diada-

kan di kampus Universiti Limkokwing, London itu, peserta akan menghadiri seminar yang disertai pakar industri serta pepadanan perniagaan di antara syarikat Malaysia dan United Kingdom (UK).

Komersialkan produk

"Kita selalu memenangi pelbagai anugerah di peringkat tempatan dan antarabangsa tetapi di mana produk itu hendak dijual. Tahap perkomersialan produk kita juga masih rendah.

"Justeru, kita perlu menyertai pameran bertaraf dunia seperti ini dan mempamerkan produk berimpak tinggi yang berjaya dihasilkan dalam bidang teknologi,

inovasi, kesan khas visual, animasi, permainan dan aplikasi mudah alih.

"Minggu Teknologi London yang turut disertai 600 syarikat dari UK dan Eropah adalah platform terbaik untuk kita mempamerkan pencapaian dan keupayaan Malaysia," katanya pada sidang media di sini, semalam. Yang turut hadir, Pengerusi Pameran Teknologi Kreatif Malaysia 2015, Noor Azman Yusof.

Abu Bakar berkata, sehingga tahun lalu, sebanyak 64 produk inovasi berimpak tinggi tempatan berjaya dikomersilkan dan kementerianannya komited untuk mencapai sasaran 360 produk pada tahun 2020.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 4 JUN 2015 (KHAMIS)

Malaysia promosi produk inovasi di London

PUTRAJAYA 3 Jun - Malaysia akan mempromosikan produk inovasi daripada 14 syarikat tempatan pada Pameran Teknologi Kreatif Malaysia 2015 yang akan diadakan di Kampus Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing, London pada 15 dan 16 Jun ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pameran yang dianjurkan oleh Capital TV itu bertujuan mempamerkan industri teknologi kreatif Malaysia ke pasaran Eropah terutama di United Kingdom (UK).

Beliau yang akan mengetuai delegasi ke London berkata, pameran itu bakal menjadi platform untuk syarikat tempatan memperkenalkan produk masing-masing ke peringkat antarabangsa dan seterusnya dapat dikomersialkan bagi menjana pendapatan.

"Saya berharap semua syarikat yang akan menyertai pameran itu adalah mereka yang telah mengkomersialkan produk masing-masing di dalam negara. Ini penting untuk meletakkan kepercayaan pihak luar di pasaran lebih besar.

"Selain itu produk yang dihasilkan mestilah produk Malaysia sahaja. Diharapkan di London nanti produk kita akan mendapat tempat di pasaran anta-

rabangsa," katanya dalam sidang akhbar Pameran Teknologi Kreatif Malaysia 2015 di sini hari ini.

Abu Bakar berkata, Malaysia mempunyai kedudukan yang baik di London terutamanya dalam pelaburan hartanah, sehubungan itu para penggiat industri kandungan kreatif, teknologi dan inovasi harus memulakan langkah bagi menempa nama di sana.

Sementara itu, Pengerusi Pameran Teknologi Kreatif Malaysia 2015, Noor Azman Yusof berkata, Pameran Teknologi Kreatif itu turut diadakan bersempena dengan Minggu Teknologi London kali kedua yang akan berlangsung bermula 15 hingga 21 Jun.

Katanya, dijangka 40 peserta industri dari 40 negara akan menyertai 203 acara di 125 lokasi berbeza sempena minggu teknologi tersebut di kota London.

"Kota London adalah salah satu pintu masuk ke negara-negara Eropah dan mampu menarik minat pelabur yang ingin melabur atau membina hubungan perniagaan di Malaysia.

"Oleh itu, saya yakin pameran teknologi Malaysia ini adalah pendedahan yang amat baik untuk bakat-bakat muda meneroka peluang kerjaya dan menempa nama dalam industri teknologi, inovasi dan kreatif," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 28
TARIKH: 04 JUN 2015 (KHAMIS)

Market Malaysia's creative technology, says deputy minister

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia's creative technology industry has high quality and potential, but it is poorly marketed, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said.

The deputy minister of science, technology and innovation said the

country can generate more income if it marketed its technology and inventions better.

"Malaysians have won gold medals at innovation awards all over the world through their inventions. This is a recognition that proves our inventions are of world standard.

"Yet, these inventions are seldom commercialised to generate income.

"We need to market our technology to the world, as we have the potential, but we need to do it better.

"If Malaysia wants to become a high-income nation, it needs to be selling its own technology rather than buying technology from others," he told a press conference here yesterday.

As part of that effort, Dr Abu Bakar will be leading a Malaysian delegation at the London Technology Week this month to showcase the country's creative technology industry.

The two-day "Malaysia Creative Tech Showcase 2015" event will be held on June 15 and 16 at the Limkokwing University of Creative

Technology's London campus.

"The London Technology Week is a good platform for Malaysia in making its step abroad especially Europe.

"There will be about 60,000 industry players who will be at the event and this is our chance to make our name," Dr Abu Bakar said.



Malaysia Pamer Produk Inovasi Untuk Dikomersialkan Di Minggu Teknologi London

PUTRAJAYA, 3 Jun (Bernama) -- Malaysia akan mempamerkan teknologi dan produk inovasi yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan secara besar-besaran di pasaran dunia di Pameran Teknologi Kreatif Malaysia 2015 di London bulan ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata sebanyak 14 syarikat akan mempamerkan pencapaian dan keupayaan negara dalam bidang teknologi, inovasi, kesan khas visual, animasi, permainan dan aplikasi mudah alih di pameran itu.

Beliau berkata pameran itu dianjurkan bersempena dengan penganjuran Minggu Teknologi London, akan berlangsung selama dua hari bermula 15 Jun bertempat di Kampus Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing, London.

Katanya, pameran ini merupakan langkah pertama dan platform terbaik bagi mempromosikan produk industri teknologi kreatif negara kepada pasaran Eropah terutamanya di United Kingdom.

"Malaysia sudah mempunyai kedudukan baik di London terutama dalam pelaburan hartanah. Sekarang, sudah tiba masanya bagi para penggiat industri kandungan kreatif, teknologi dan inovasi untuk memulakan tapak dan menempa nama di sana," katanya dalam sidang media di kementeriannya di sini Rabu.

Sehubungan itu, Abu Bakar yang akan mengetuai delegasi Malaysia ke Minggu Teknologi London juga berharap peserta Malaysia terdiri daripada agensi kerajaan yang berkaitan dan syarikat-syarikat berpotensi tinggi akan mengembangkan perniagaan mereka di Eropah.

"Ini merupakan salah satu pendedahan yang amat baik bagi bakat muda untuk meneroka peluang kerjaya dan menempa nama dalam industri teknologi, inovasi dan kreatif," jelasnya.

Abu Bakar berkata kementerian juga menyasar untuk mengkomersialkan 360 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan dalam tempoh lima tahun menjelang 2020 serta memastikan semua produk itu dapat dijual dalam pasaran tempatan dan global.

Katanya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerajaan memperuntukkan RM3.2 bilion untuk geran pembangunan R&D dan bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), peruntukan sebanyak RM906 juta diluluskan untuk dibelanjakan untuk tujuan sama.

"Kita tidak ingin kekal sebagai negara dengan identiti 'pengguna teknologi' sebaliknya mahu berubah menjadi negara pengeluar teknologi," katanya.

Minggu Teknologi London menyasar kira-kira 60,000 peserta industri dan pengunjung dari 40 negara menyertai pameran itu di seluruh kota London bermula 15 Jun sehingga 21 Jun ini.

-- BERNAMA

'Invest in the driver of change'

PROGRESS: Call to apply science and innovation options in support of growth agenda

KUALA LUMPUR

INVESTMENT in science, technology and innovation (STI) is a priority as Malaysia moves towards becoming a high-income nation by 2020.

Academy of Sciences Malaysia (ASM) acting chief executive officer Hazami Habib said there was a need to leverage STI to produce technology, products and services in areas pertinent to economic growth, national development and global competitiveness.

"The government needs to apply strategic STI options, opportunities and priorities in support of the nation's socio-economic agenda," she said at the Future Malaysia Forum themed "Think, Share and Act" organised by ASM in collaboration with the New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) here on Tuesday.



She said ASM had always conducted studies on STI which provided advisory inputs on a continuous basis to the government on the desired future based on sustainability, connectivity, prosperity, peace and harmony as well as to ensure a high quality of life for all.

Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) senior vice-president Rushdi Abdul Rahim told Bernama that as technology is a driver of change, advancement in technology has either directly or indirectly contributed to major changes, social values, political and governance, the economy and business spheres.

While rapid development in tech-

nology could disrupt businesses, transform lives, and fundamentally change the global economy, he said it also holds the potential to change the nature of work and possibly displace millions of workers, thus making a significant impact on public policy.

The inaugural forum was attended by thinkers from ASM, MIGHT, the Malaysian Institute of Economic Research, the Institute of Ethnic Studies, the Institute of Diplomacy and Foreign Relations, and the Institute for Youth Research Malaysia.

It is aimed at helping stakeholders, including policymakers, ministries, agencies, institutions of higher learning, the private sector and the media to make informed decisions to chart the way forward towards a sustainable and prosperous nation.

The topics discussed included the future of Malaysia's economy, challenges and opportunities in scientific and high-technology industries, society and culture, youth participation and their prospects for a better Malaysia.

ASM president Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali said in the march towards a developed nation by 2020, Malaysia needs strategic input and sound advice from



The government needs to **apply strategic STI options, opportunities and priorities** in support of the nation's socio-economic agenda.

Hazami Habib
Academy of Sciences Malaysia
acting chief executive officer

many quarters.

"We need to prepare the rakyat for an increasingly knowledge-based future," he said.

NSTP group managing editor Datuk Abdul Jalil Hamid said, "I hope this forum will serve as a platform for government officials to get

first-hand information from scientists and think tanks.

"I also believe the forum will trigger a healthy and fruitful discussion.

"We will disseminate the information gathered to as many people as possible."

Pelaburan STI prasyarat negara maju

Kuala Lumpur: Pelaburan dalam agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) adalah satu keutamaan bagi membolehkan Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif **Akademi Sains Malaysia (ASM)** Hazami Habib berkata, wujud keperluan untuk memanfaatkan STI bagi penghasilan teknologi, produk serta perkhid-

matan di kawasan utama pertumbuhan ekonomi, pembangunan negara serta daya saing global.

"Kerajaan perlu mengguna pakai pilihan strategik ini, peluang serta keutamaan-nya bagi menyokong agenda sosioekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada Forum Malaysia bertemakan Fikir, Kongsi dan Bertindak anjuran ASM dengan kerjasama The New

Straits Times Press (M) Bhd, di sini semalam.

Beliau berkata, ASM sendiri sentiasa melakukan kajian mengenai STI untuk memberi input nasihat secara berterusan kepada kerajaan berdasarkan masa depan yang diinginkan.

Ini termasuk aspek kemampanan, jaringan, kemakmuran, keamanan serta harmoni selain memastikan kehidupan berkualiti untuk semua.

Sementara itu, Naib Presiden Kanan Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIG-HT), Rushdi Abdul Rahim menyifatkan teknologi sebagai pamacu perubahan dan pencapaiannya terbukti memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam aspek perubahan utama, nilai sosial, politik dan urus tadbir, ekonomi dan perniagaan.

- BERNAMA

Malaysia Mengorak Langkah Sebagai Pusat Bioteknologi Perindustrian

KDYMM SULTAN TERENGGANU MENYEMPURNAKAN PERASMIAN FASILITI BERSEPADU BIO-METIONINA DAN TIOKIMIA PERTAMA DI DUNIA MILIK CJ-ARKEMA DI KERTIH

Malaysia bakal menjadi pemain utama di dunia dalam sektor bioteknologi mesra alam dengan pembukaan fasiliti bio-metionina milik CJ Cheiljedang (CJ) dari Korea dan platform tiokimia Arkema dari Perancis di Taman Biopolimer Kertih (KBP), Terengganu. Fasiliti bersepadu ini telah dirasmikan pembukaannya hari ini oleh KDYMM Sultan Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mahmud Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

Dipromosikan secara bersama oleh Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), fasiliti pengeluaran bersepadu baharu yang bernilai RM2.1 bilion di KBP ini merupakan pelaburan terbesar dalam sektor bioteknologi Malaysia setakat ini.

CJ merupakan peneraju di dunia dalam bidang bioteknologi perindustrian dengan inovasi dalam bidang penaipaan dan penulenan. Arkema yang memiliki teknologi platform tiokimia tersendiri adalah sebuah syarikat kimia bertaraf global dan pengeluar utama bahan kimia khusus.

Loji di KBP ini merupakan platform untuk CJ memenuhi permintaan yang tinggi bagi metionina di Asia. Bagi Arkema pula, projek ini merupakan pangkalan pusat perindustriannya yang terbaharu di Asia demi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggannya di rantau ini.

MEMBAWAKAN IMPAK POSITIF KEPADA MALAYSIA DAN RAKYATNYA

Mula beroperasi sejak Januari 2015, fasiliti pengeluaran CJ-Arkema ini telah membawa masuk pelaburan bernilai tinggi ke negara ini, berserta teknologi canggih dan inovasi produk. Ia turut mewujudkan pautan industri dan membangunkan tenaga kerja berasaskan pengetahuan dalam sektor berkenaan.

Peluang Pekerjaan Untuk Tenaga Kerja Berasaskan Pengetahuan Tempatan

Setakat ini jumlah yang telah dilaburkan dalam projek ini ialah sebanyak RM2.1 bilion, yang merupakan pelaburan terbesar dalam sektor bioteknologi di Malaysia buat masa ini dengan potensi pelaburan sebanyak RM3 bilion dalam masa 10 tahun.

Untuk tempoh jangka panjang projek ini dijangka akan menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM20.4 bilion dan mewujudkan 2,500 pekerjaan "hijau" di Malaysia menjelang tahun 2020. Ini termasuklah 474 pekerja yang akan diambil oleh CJ dan Arkema di mana 60 peratus akan terdiri daripada pekerja teknikal dan pekerja berasaskan pengetahuan peringkat tinggi seperti ahli mikrobiologi, ahli kimia, jurutera dan ahli bioteknologi. Ini adalah selaras dengan Model Ekonomi Baru kerajaan untuk membangunkan tenaga kerja berkualiti dan generasi berpendapatan tinggi.

Produk Dipromosikan Di Bawah Dasar Bioteknologi Nasional

Projek ini merupakan satu pencapaian penting dalam agenda bio-ekonomi nasional bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab bio-penapisah. Pengeluaran asid amino penting (EAA) dan bio-metionina yang mesra alam dengan menggunakan teknologi penaipaan dan enzimatik yang dicadangkan adalah aktiviti di bawah Senarai Teknologi Tinggi Dipromosikan untuk Bioteknologi pemakanan atau pelengkap bahan makanan.

Projek ini juga sejajar dengan dasar dan inisiatif kerajaan dalam bioteknologi perindustrian seperti Dasar Bioteknologi Nasional, Dasar Pertanian Negara Ke-3 (NAP3), Program Fidlol Nasional dan Pelan Induk Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Pengeluaran mercaptan metil dan dimetil disulfida (DMDS) juga adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mempromosikan aktiviti hiliran dalam sektor minyak dan gas.

Malaysia Sebagai Peneraju Pengeluaran EAA, Bio-metionina

Dengan pelaksanaan projek ini, Malaysia kini merupakan negara pertama di dunia yang menghasilkan bio-metionina hijau yang bersifat mesra alam.



Untuk projek ini, CJ-Arkema akan menggunakan teknologi penaipaan mikrobial dan enzimatik untuk pengeluaran bio-metionina. Keseluruhan proses pengeluaran akan menggunakan peralatan yang canggih untuk pengeluaran bio-metionina berkualiti tinggi dan menepati standard antarabangsa di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Perkongsian CJ dan Arkema untuk mewujudkan teknologi terkini dalam

industri ini juga menandakan kemasukan Malaysia sebagai pemain utama bertaraf dunia dalam sektor bioteknologi perindustrian.

Melonjakkan Kedudukan Terengganu dan Taman Biopolimer Kertih (KBP) sebagai Hab Bioteknologi Serantau

Fasiliti di Taman Biopolimer Kertih (KBP) ini terletak dalam Zon Ekonomi Khas Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER SEZ), sebuah kawasan penumpuan projek-projek berimpak tinggi yang berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). KBP merupakan sebuah taman perindustrian khas yang dibangunkan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu dan terletak berhampiran pelabuhan-pelabuhan di Kertih, Kuantan dan Kemaman. Dengan kewujudan mereka di KBP, CJ dan Arkema boleh memanfaatkan kemudahan-kemudahan sokongan dan logistik yang sedia ada serta kesalinghubungan yang ditawarkan oleh Kompleks Petrokimia Bersepadu Kertih ke hab-hab eksport utama.

Dari perspektif serantau, projek ini akan mewujudkan impak yang signifikan terhadap pembangunan industri bioteknologi perindustrian di Malaysia khususnya di ECER. Lebih penting lagi, ia akan meningkatkan kesedaran pelabur asing terhadap potensi pelaburan dalam bioteknologi perindustrian di negara ini.

Pautan Industri

Fasiliti pengeluaran bersepadu CJ-Arkema ini akan memperkukuhkan lagi sektor petrokimia hiliran dan mempertingkatkan rangkaian nilai dalam kluster petrokimia sedia ada di Kertih.

Projek ini akan memanfaatkan bahan mentah tempatan, serta perkhidmatan dan kemudahan yang sedia terdapat di Kertih, sekaligus akan menjana aktiviti-aktiviti ekonomi dan perniagaan baharu untuk para pembekal dan penyedia perkhidmatan tempatan seperti PETRONAS, Terminal Kertih, Pelabuhan Kuantan, TNB dan lain-lain penyedia perkhidmatan.

Projek ini mempunyai potensi untuk membangunkan kepakaran tempatan dalam bidang-bidang khusus seperti kejuruteraan kimia dan bioteknologi perindustrian, serta menyediakan peluang kerjasama dengan universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan tempatan bagi mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan dalam bidang Bioteknologi.



Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak bersama kenamaan lain di majlis pecah tanah loji bio-metionina CJ Cheiljedang dan platform tiokimia Arkema di Taman Biopolimer Kertih pada 6 Oktober, 2012.



Pegawai-pegawai kanan CJ Bio Malaysia dan Arkema Thiochemicals meraikan pengeluaran dan penghantaran bio-metionina pertama di dunia ke Indonesia pada Januari, 2015.

"Kehadiran CJ dan Arkema, yang merupakan dua penggiat bioteknologi perindustrian dan industri bahan kimia terkenal dunia, merupakan satu detik yang amat membanggakan untuk negeri Terengganu. Pembukaan fasiliti bio-metionina milik CJ dan platform tiokimia Arkema di Taman Biopolimer Kertih akan meletakkan Terengganu di peta dunia bagi sektor bioteknologi perindustrian. Projek ini juga menandakan kepentingan bioteknologi sebagai salah satu sektor ekonomi utama bagi Terengganu, yang bersifat saling melengkapi dengan industri minyak dan gas yang sudah lama bertapak di negeri ini."

- YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif Abd Rahman
Menteri Besar Terengganu

Dipromosikan bersama oleh:

"Malaysia berbangga menerima fasiliti bio-metionina berasaskan penaipaan yang pertama dan terbesar di dunia dan juga platform tiokimia yang terbesar di Asia. Ini menunjukkan komitmen Malaysia terhadap kemajuan bioteknologi yang berterusan di negara ini, terutamanya dalam sektor bio-perindustrian, ia merupakan testimoni sejauh mana pencapaian negara dalam tempoh sedekad yang lalu dan akan mengukuhkan lagi agenda bio-ekonomi Malaysia dengan menyediakan peluang-peluang komersial dan pekerjaan demi manfaat negara."

- YBhg. Dato' Dr. Mohd. Nazlee Kamal
Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Bioteknologi Malaysia Sdn Bhd
(BiotechCorp)

"Kewujudan fasiliti bersepadu CJ-Arkema di Taman Biopolimer Kertih ini merupakan satu lagi detik bersejarah bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) kerana ia menandakan kesediaan Wilayah ini untuk menerima pelaburan dari sektor-sektor bernilai tinggi. Taman Biopolimer Kertih menawarkan pelbagai peluang komersial kepada syarikat-syarikat bioteknologi dari seluruh dunia dan pihak kami yakin bahawa kehadiran penggiat global seperti CJ dan Arkema akan menarik kemasukan lebih banyak penggiat bioteknologi bertaraf dunia ke taman industri ini pada masa terdekat."

- YBhg. Datuk Seri Jebasingam Issac John
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Pembangunan
Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)

"Arkema berbangga menjadi perintis dan pemangkin kepada pembangunan Taman Biopolimer Kertih, dan pihak kami bersedia untuk memanfaatkan kekayaan sumber bio di Malaysia dan menarik lebih banyak projek bio-kimia ke negara ini. Platform Kertih yang bertaraf dunia ini adalah sejajar dengan strategi global kami dan akan meningkatkan komitmen kami untuk berkembang di Asia. Saya yakin bahawa pencapaian cemerlang akan menyusul dan platform Kertih ini akan terus berkembang dan mampu menyumbang kepada negara dan rantau ini untuk tahun-tahun mendatang."

- Kenny Gan
Ketua Pegawai Eksekutif,
Arkema Thiochemicals Sdn Bhd

"CJ telah berjaya membangun dan mengkomersialkan Loji Bio-Metionina yang pertama di dunia di Taman Biopolimer Kertih (KBP). Kami percaya KBP akan menjadi hab utama bagi syarikat-syarikat industri bioteknologi untuk tahun-tahun akan datang. Loji Bio-Metionina di Kertih akan menjadi lokasi yang strategik untuk pasaran yang baru muncul di China dan Asia. Saya percaya ini adalah permulaan inovasi utama dari CJ BIO. Saya berharap untuk memajukan lagi industri bioteknologi di KBP dan mewujudkan peluang-peluang ekonomi baru di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)."

- John Kang
Ketua Pegawai Eksekutif,
CJ Bio Malaysia Sdn Bhd

Malaysia, An Emerging Centre For Industrial Biotechnology

HRH THE SULTAN OF TERENGGANU LAUNCHES WORLD'S FIRST INTEGRATED BIO-METHIONINE AND THIOCHEMICALS PLANT OPERATED BY CJ-ARKEMA IN KERTIH

Malaysia is poised to become a key player in the global biotechnology sector with the opening of Korea's CJ Cheiljedang (CJ) bio-methionine plant and Arkema of France thiochemicals platform in Kertih Biopolymer Park (KBP), Terengganu. The integrated facility was officially launched by the Sultan of Terengganu, HRH Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibnu Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah today.

Jointly promoted by the Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) and the East Coast Economic Region Development Council (ECERDC), the new RM2.1 billion integrated manufacturing facility in KBP is the single largest investment in Malaysia's biotechnology sector to date.

CJ is a world leader in the area of industrial biotechnology with innovations in fermentation and purification. Arkema, which owns the proprietary platform technology, is a global chemical company and leading specialty chemicals producer.

The integrated plant in KBP is a platform for CJ to respond to the strong demand for methionine in Asia. For Arkema, the project is its new industrial base in Asia, to help it serve its Asian customers better.

BRINGING POSITIVE IMPACT TO MALAYSIA AND ITS PEOPLE

Operational since January 2015, the CJ-Arkema production facility has brought in high value investments into the country, together with cutting-edge technology and product innovation. It is also establishing industrial linkages and developing knowledge workers in this sector.

Employment Opportunities for Malaysian Knowledge Workers

Total realised investment to date for this project is RM2.1 billion, the single largest investment in Malaysia's biotechnology sector with a potential total investment of RM3 billion over a period of 10 years.

In the longer term, the project is expected to generate a cumulative GNI of RM20.4 billion and produce 2,500 green-jobs for Malaysia by 2020. This would include 474 workers to be employed by CJ and Arkema, of which 60 per cent will consist of high-level technical and knowledge workers such as microbiologists, chemists, engineers and biotechnologists. This is in line with the Government's New Economic Model to develop quality workforce with high income generation.

Promoted Project under the National Biotechnology Policy

The project is an important milestone in the national bio-economy agenda to establish Malaysia as a bio-refinery hub. The production of green Essential Amino Acid (EAA), bio-methionine using the proposed fermentation and

enzymatic technologies is a promoted activity under the High Technology Promoted List for Biotechnology feed or feed supplement.

This project is also in line with the Government's policies and initiatives on industrial Biotechnology such as the National Biotechnology Policy, the Third National Agricultural Policy (NAP3), the National Feedlot Programme and the East Coast Economic Region (ECER) Master Plan.

The production of methyl mercaptan and dimethyl disulfide (DMDS) is also in line with the government's aspiration to promote the downstream activity of oil and gas sector.

Malaysia as Pioneer in the Production of EAA, Bio-Methionine

With the project implementation, Malaysia now becomes the world's first producer of green bio-methionine.

For this project, CJ-Arkema will be employing proprietary microbial fermentation and enzymatic technologies for the production of bio-methionine. The entire manufacturing process will utilise sophisticated equipment in the production of high quality bio-methionine which complies with the international standards of US, Europe and Japan. The partnership of CJ and Arkema in bringing cutting-edge technology into the industry also further marks Malaysia's entrance as a key global player in the industrial biotechnology industry.



HRH the Sultan of Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

Positioning Terengganu and Kertih Biopolymer Park (KBP) as a Regional Biotechnology Hub

The facility is located in KBP within the East Coast Economic Region Special Economic Zone (ECER SEZ), a concentrated area of high impact projects which is designed to act as the catalyst for growth in the ECER. KBP is a dedicated industrial park developed by the ECERDC in collaboration with the Terengganu State Government, and it is located well within the proximity of various ports in Kertih, Kuantan and Kemaman. By establishing their presence in KBP, CJ and Arkema can leverage on the advantages of the existing support, logistic facilities and connectivity offered by the Kertih Integrated Petrochemical Complex to major export hubs.

From a regional perspective, this project will create significant impact towards the establishment of industrial biotechnology industry in Malaysia, particularly in ECER. More importantly, it will heighten foreign investors' awareness of industrial biotechnology investment potential in the country.

Industry Linkages

CJ-Arkema's integrated bio-methionine manufacturing plant will strengthen the petrochemical downstream sector and enhance the value chain within the existing petrochemical cluster in Kertih.

The project will leverage on the supply of existing local raw materials, services and facilities in Kertih, which will translate into the creation of new economic activities and businesses for local suppliers and service providers such as PETRONAS, Kertih Terminal, Kuantan Port, TNB and other service suppliers.

This project will have the potential to develop local expertise in niche areas such as chemical engineering and industrial biotechnology, and provide an opportunity for collaboration with local universities and research institutions to become centres of excellence in Biotechnology.



Prime Minister YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak together with other dignitaries at the ground breaking ceremony of CJ Cheiljedang (CJ)'s bio-methionine plant and Arkema's thiochemicals platform at Kertih Biopolymer Park on October 6, 2012.



Senior officials from CJ BIO Malaysia and Arkema Thiochemicals celebrating the world's first production and shipment of green bio-methionine to Indonesia in January, 2015.



"Malaysia is proud to host the first and largest fermentation based bio-methionine facility in the world and also Asia's largest thiochemicals platform. This further demonstrates Malaysia's commitment to the ongoing advancement of biotechnology in the country, particularly in the bio-industrial sector. It stands as a testament to how far we have progressed in the last decade and will further boost Malaysia's bioeconomy agenda by providing commercial and job opportunities for the benefit of the nation."

YBhg. Dato' Dr. Mohd. Nazlee Kamal
CEO, Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp)



"The establishment of CJ-Arkema's integrated facility in Kertih Biopolymer Park marks another major milestone for the East Coast Economic Region (ECER) as it signifies the Region's readiness to receive investments from high value sectors. Kertih Biopolymer Park is set to provide commercial opportunities to biotechnology companies from all over the world and we are confident that the presence of global giants such as CJ and Arkema will attract the arrival of more global biotech players in the park in the near future."

YBhg. Dato' Seri Jebasingan Issac John
CEO, East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)

"Arkema is extremely proud to be a pioneer and catalyst in the development of the Kertih Biopolymer Park which will take advantage of the abundant bio-mass resources available in Malaysia and attract many more bio-chemistry projects to the nation. This new world-class Kertih platform fits perfectly into our global strategy and further enhances our commitment to growth in Asia. I am convinced that excellent results will follow and the Kertih platform will continue to expand and serve Malaysia and the region for many years to come."

Kenny Gan
CEO, Arkema Thiochemicals Sdn Bhd

"CJ has successfully developed and commercialised the world's first Bio-Methionine Plant at the Kertih Biopolymer Park (KBP). We believe KBP will become a major hub for industrial biotech companies for years to come. The Bio-Methionine Plant in Kertih, will be a strategic location to serve the emerging markets in China and Asia. I believe this is just the beginning of major innovations to come from CJ BIO. I look forward to further advancing the biotech industry in KBP and creating new economic opportunities in the East Coast Economic Region (ECER)."

John Kang
CEO, CJ BIO Malaysia Sdn Bhd



"It is indeed a proud moment to have two globally renowned industrial biotechnology players, CJ and Arkema, bringing their expertise to Terengganu. This is a

mark of confidence in our state to deliver their expectations. It would place Terengganu, and in particular, the Kertih Biopolymer Park on the world map for industrial biotechnology. This project also marks the growing importance of industrial biotechnology as another key growth area for Terengganu and this would complement its already well-established oil and gas industry."

YAB Dato' Seri Haps Ahmad Razak
Abd Rahuman
Minister of Terengganu



Jointly Promoted by:



TBESB sasar jualan RM10 juta

Tropical Bioessence Sdn Bhd (TBESB), pengeluar produk kesihatan berasaskan aromaterapi jenama Sutra, menasarkan jualan bernilai RM10 juta menjelang akhir tahun ini berbanding RM2 juta pada tahun lalu.

Pengarah Urusannya, Mohd Khairil Said, berkata sasaran itu bersandarkan langkah syarikat yang kini giat mengembangkan pasaran produk termasuk meningkatkan eksport ke Belanda, Pakistan, Singapura, Brunei dan Singapura.

Beliau berkata, bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini, pihaknya sudah merekodkan jualan hampir RM5 juta berikutan permintaan menggalakkan terhadap produk berkenaan, terutama di Malaysia.

Eksport pasaran baharu

"Tahun ini, kami menasarkan seramai 1,000 wakil pengedar dan stokis di seluruh negara, termasuk 250 wakil pengedar di Pantai Timur, selain mengeksport ke pasaran negara baharu seperti Australia, Turki, Perancis dan Uzbekistan," katanya ketika ditemui di Kota Bharu, semalam.

Khairil berkata, TBESB yang beroperasi sejak lapan tahun lalu sudah mendapat status Bionexus yang dianugerahkan oleh **Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd** dan sehingga kini meng-



Mohd Khairil bersama Pegawai Iklan TBESB, Ismawati Firdaus **menunjukkan produk kesihatan** berasaskan aromaterapi jenama Sutra di Kota Bharu, semalam.
(FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH)

hasilkan 50 produk Sutra yang dikategori sebagai Aromaterapi, Fragrance dan Wellness.

Katanya, bagi menghasilkan produk itu, pihaknya menggunakan teknologi terkini iaitu Supercritical Fluid Extraction (SFE) di dalam penyulingan minyak pati daripada tumbuhan serta ekstrak herba asli tanpa tambahan bahan pengawet dan kimia.

"Produk berasaskan wangian atau aromaterapi ini mudah

digunakan dalam pelbagai fungsi, sekali gus memberi keselesaan kepada pengguna terutama mereka yang menghadapi masalah tekanan dan sindrom sukar tidur.

"Harga bagi produk ini juga berpatutan iaitu antara RM15 dan RM35. Malah, ia boleh digunakan di semua tempat dan kegunaan harian yang memberi keselesaan sepanjang masa kepada pengguna," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (BRIEFS) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 04 JUN 2015 (KHAMIS)

**TSUNAMI WARNING
SYSTEM**

GEORGE TOWN: The Penang Meteorological Department did a test run of the tsunami warning system yesterday for about 15 minutes at the popular Miami Beach in Batu Ferringhi about 12.30pm. The warning system was installed after Penang was hit by the deadly 2004 Boxing Day tsunami which killed 52 people, injured 206 and damaged 615 houses and 1,332 boats. A series of alarms have since been installed at areas hit by the tsunami.

Kabus dingin Melaka

■ Suasana di laluan AMJ macam di tanah tinggi



KENDERAAN melalui laluan berkabus.



Oleh Norfaisal Jahuri
am@hmetro.com.my
Melaka

Suasana pagi di beberapa kawasan di negeri ini tidak ubah seperti tanah tinggi apabila diselubungi kabus serta suhu dingin sejak beberapa hari lalu.

Antara kawasan itu ialah Ayer Molek, Ayer Keroh, Umbai dan Lebuh Ayer Alor Gajah-Melaka-Jasin (AMJ) sehingga menyebabkan jalan utama diliputi kabus bermula awal pagi hingga 9 pagi.

Fenomena itu turut menarik perhatian pengguna laman sosial yang memuat naik gambar ketika dalam perjalanan ke tempat kerja dan menyatakan mereka seperti ke Genting Highlands atau Cameron Highlands.

Penolong Pegawai Pertanian Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Narizam Yusof, 46, berkata, dia teruja melihat kabus ketika melalui Lebuh Sungai Udang-Paya Rumpit-Ayer Keroh (SPA) terutamanya selepas memasuki Bertam Ulu.

"Tahun lalu fenomena ini sudah berlaku dan kali ini ia berulang lagi, kabus memang tebal sehingga menghalang jarak penglihatan, tetapi pemandu masih boleh meneruskan perjalanan dan pengguna juga mengambil langkah keselamatan

dengan menghidupkan lampu kenderaan masing-masing.

"Saya turut menggunakan kesempatan merakamkan keindahan suasana berkabus sebelum dimuat-naik di Facebook (FB)," katanya.

Menurutnya, dia tidak menghidupkan sistem pendingin hawa sebaliknya menukarkan cermin tingkap untuk menghirup udara dingin yang menjadikannya lebih segar serta bersemangat ke tempat kerja.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Meteorologi negeri Nasrul Hashim Hakim berkata, fenomena itu berlaku berikutan ketumpatan kelembapan dalam udara ber-

ada pada paras tinggi.

Beliau berkata, bacaan kabus yang diambil menerusi stesen kaji cuaca di Batu Berendam mencatatkan bacaan tertinggi sehingga 95 peratus kadar ketumpatan kelembapan udara pada jam 7 pagi, semalam.

"Kabus adalah wap air yang terperangkap di udara dan ia adalah perkara biasa berlaku di negara ini. Bagaimanapun, apa yang berlaku di beberapa kawasan di Melaka semalam ialah sesuatu yang jarang berlaku.

"Keadaan itu juga dikategorikan sebagai kabus kerana jarak penglihatan terhad kepada satu hingga dua kilometer saja, sebelum kembali pulih seperti biasa menjelang tengah hari," katanya.

FAKTA

Kabus tebal sehingga menghalang jarak penglihatan

Sampel DNA suspek dihantar ke Jabatan Kimia

KUALA LUMPUR – Sampel asid deoksiribonukleik (DNA) milik sepasang suami isteri yang merupakan suspek bagi kes penemuan mayat seorang kanak-kanak lelaki yang ditanam di bawah lantai dapur sebuah rumah teres di Taman Usaha Jaya, Kepong, Selangor telah diserahkan kepada Jabatan Kimia di Petaling Jaya semalam.



KERATAN Kosmo! 31 Mei 2015.

Satu sumber berkata, sample DNA milik dua suspek berusia lingkungan 30-an itu diambil untuk memastikan sama ada mayat yang ditemui di rumah berkenaan merupakan anak suspek atau bukan.

"Kita sudah ambil keterangan mereka bagi membantu siasatan, namun kita perlu menunggu laporan daripada Jabatan Kimia untuk melengkapkan kertas siasatan sebelum diserahkan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya bagi tindakan selanjutnya.

"Pasangan suami isteri yang ditahan di Kenningau, Sabah itu kini ditahan reman sehingga 6 Jun ini untuk membantu siasatan," katanya ketika dihubungi semalam.

Kosmo! pada 31 Mei lalu melaporkan, polis menemui mayat seorang kanak-kanak lelaki yang dibungkus dengan plastik putih dan ditanam di bawah lantai dapur sebuah rumah teres di Taman Usaha Jaya, Kepong.

SIRIM HELPS LOCAL BUSINESSES IN GLP TESTING

CHERYL YVONNE ACHU

SIRIM Bhd's good laboratory practice (GLP)-compliant facility will help local businesses acquire the necessary product safety data needed to access developed markets, bringing the nation's international market expansion endeavours to the next level.

Sirim senior director of Energy and Environment Flagship Dr Chen Sau Soon said the agency has embarked on the area of sustainability product safety evaluation, where the test facility will be able to produce GLP-compliant studies and test data acceptable in the international market.

GLP is a quality system that ensures non-clinical health and environmental safety studies, and is conducted with a high degree of consistency and reliability that safeguard data integrity, reliability, transparency and traceability.

In October 2013, Malaysia joined the Organisation of Economic Cooperation Development (OECD) system on mutual acceptance of chemical safety data that are produced by GLP-compliant test facilities.

The Mutual Acceptance of Data (MAD) system ensures that the results of non-clinical safety tests related to the protection of human health and the environment will be accepted by all 40 countries adhering to MAD — the 34 OECD countries and adhering non-member countries comprising Argentina, Brazil, India, Malaysia, Singapore



Sirim senior director of Energy and Environment Flagship, Dr Chen Sau Soon, says Malaysia can now provide GLP studies to local and international companies.

and South Africa.

As an OECD adhering non-member country, Chen said Malaysia can now provide GLP studies to local and international companies operating in the country and its neighbouring countries to facilitate market penetration and

address trade regulations.

"OECD countries require scientific evidence to support product safety claims before allowing products into their markets. This evidence must be proven by studies conducted in a GLP system," she told Business Times recently.

She said non-clinical safety and environmental safety tests carried out in any GLP test facilities in the country will be accepted by all countries adhering to the MAD. This will enable Malaysian manufacturers and exporters of chemical products to test their products in a local GLP-compliant laboratory before exporting to OECD countries.

According to Chen, chemical product manufacturers can submit GLP-compliant safety data through the appropriate channels for review by the respective regulatory authorities responsible for issuing the permit to market products or conduct market trials in the OECD countries.

"With today's comprehensive global trade lines, these are important factors to ensure that laboratory studies and results are accepted, especially in OECD countries, which are the major export markets for Malaysia," she added.

Chen said an example of such a requirement is the European Union (EU) regulation on Registration, Evaluation, Authorisation and Restriction of Chemicals.

She said Malaysian exporters targeting the EU market will need to sponsor a GLP-compliant study to generate the necessary test data for submission to

Sirim offers toxicity testing facility that complies with the OECD GLP requirements.



the EU regulatory authority.

"Having a local GLP test facility will provide the advantage of face-to-face discussions between the manufacturer and the test facility without the former having to fly overseas for such discussions," she added.

The Economic Transformation Programme National Key Economic Areas on agriculture has identified the need for GLP test facilities as an enabler to support the Entry Point Project on "Unlocking value from Malaysia's biodiversity through high-value herbal products".

Companies intending to export herbal products to developed countries do need to sponsor GLP-compliant studies for the safety data, Chen said.

"The presence of local test facilities will reduce the cost of having to visit such facilities overseas for discussions normally needed prior to establishing the type of tests needed."

Sirim's Environmental Technology

Research Centre (ETRC) gained recognition as a GLP-compliant facility from the National Pharmaceutical Control Bureau for pharmaceuticals, cosmetics, veterinary drugs and food additives, and Jabatan Standard Malaysia for industrial chemicals and pesticides.

With this recognition, Sirim-ETRC GLP-compliant studies are accepted as high quality and can be used in regulatory assessments in more than 40 countries.

To date, Sirim has conducted 15 GLP studies for industrial chemicals and natural extracts based on the areas of expertise in mutagenicity studies, environmental toxicity studies on aquatic organisms, and studies on behaviour in water, soil and air.

Any company intending to explore market opportunities in the developed countries can contact Sirim to determine the type of regulatory safety data needed by these countries.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
SINAR HARIAN (LEMBAH KLANG) : MUKA SURAT 35
TARIKH: 4 JUN 2015 (KHAMIS)

Sponsored by:  **BANKRAKYAT**
Your Choice Bank

Organised by:   

Strategic Partners:    

Collaboration Program between Bank Rakyat and Yayasan Inovasi Malaysia

CALLING ALL CREATIVE YOUTH

Do you have an INNOVATIVE IDEA?

Join us in

BANKRAKYAT YIM IDEATION

Transforming Idea to Venture



Requirement:

- 1 Public / Private Universities undergraduates
- 2 Age 18 - 30 years old
- 3 Max 3 students per group

CASH PRIZE TO BE WON

1st Prize RM5,000

2nd Prize RM3,000

3rd Prize RM2,000

Bank Rakyat-YIM Ideation Workshop :
Date : 27 & 28 June 2015
Time : 8.00 am - 8.30 pm
Venue : Dewan Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 3, Menara 1,
Menara Kembar Bank Rakyat
(Iftar dinner will be provided)

Apply Now!!
Send your application to : nursyahirah@yim.my
Closing date : 5 June 2015

For any inquiries, please contact:
Email : nursyahirah@yim.my
Tel : 03-83192717
Register at: <http://www.yim.my/BankRakyat-YIMIdeationChallenge>